

17 DEC 1999

Mohd Ali-Festival

FESTIVAL PELANCONGAN MELAKA, 27 JAN DEPAN

JASIN, 17 Dis (Bernama) -- Kerajaan Negeri akan mengadakan `Festival Pelancongan Melaka' selama seminggu bermula 27 Jan hingga 1 Feb depan bertempat di KLCC, di ibu negara.

Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, festival yang bertemakan `Melawat Melaka Bersejarah, Bererti Melawat Malaysia' itu antaranya mempromosikan produk pelancongan, makanan tradisional, persembahan kebudayaan, kemudahan penginapan, membeli belah, perubatan dan pendidikan.

"Semua hotel, hospital swasta, kolej swasta, universiti, kelab golf, Perbadanan Muzium Melaka (Perzim), taman-taman rekreasi, dewan-dewan konvensyen, agen pelancongan, persatuan-persatuan pelancongan, persatuan kraf tangan dan artis-artis akan turut menjayakan festival itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyampaian pakej zakat dan sumbangan sempena bulan Ramadan bagi Parlimen Selandar. Seramai 342 orang fakir miskin menerima bantuan berbentuk barang-barang makanan dan wang tunai.

Mohd Ali berkata, festival itu mampu mempromosikan sektor pelancongan di negeri ini dalam usaha menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Melaka.

Beliau berkata beberapa kemudahan dan produk pelancongan telah tersedia ada dan hanya menunggu disebarikan kepada para pelancong domestik dan juga antarabangsa.

Menurut beliau, mulai tahun depan pelbagai aktiviti dan acara menarik akan diadakan bagi menarik lebih ramai pelancong datang serta tinggal seberapa lama di negeri ini.

Beliau berkata satu jawatankuasa kecil telah dibentuk untuk mengaturkan program dan seminar yang akan memberi penekanan utama terhadap usaha untuk menarik pelancong daripada Singapura, Indonesia, Timut Tengah dan Asia Tenggara.

Menurut beliau, matlamat utama Kerajaan Negeri ialah untuk menarik sekurang-kurangnya setengah daripada jumlah pelancong yang datang ke negara ini untuk melancong ke Melaka.

Mohd Ali juga berkata festival itu dijangkan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

MYD PR